

ورتاقنرشن Warta Penerangan



SEPTEMBER 2014





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Lawatan ke Jabatan Penerangan Daerah Belait	5
Program Awasi Anak Kitani beri kesedaran ibu bapa	5
Jadikan mahasiswa lebih berdikari	6
Kesedaran sivik penting diasuh, dikuatkan	7
Peserta Perkampungan Sivik terima sijil	8
Tinjau perkembangan Jabatan Penerangan	9
Lahirkan generasi pelajar berwibawa, tahan lasak	9
Kerja amal di rumah keluarga daif dan OKU Daerah Temburong	10
Galeri Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut Ke-II	11
Bengkel ‘Speaking with Confidence’	12 - 13
Brunei - Thailand adakan Program Pameran Bersama	14 - 15
Gabungan Persembahan ‘Alai Pa Plern’	15
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Ke-13	16
Brunei - Thailand eratkan bidang penerangan dan penyiaran	17
Jamuan Makan Malam anjuran Jabatan Penerangan	18
Peserta JENESYS 2.0 dibekalkan ilmu pengetahuan	19
Peserta program JENESYS timba budaya Jepun	20
Program Taklimat Kenegaraan terus diberi	21 - 22
Kibarkan bendera negara dengan baik dan sempurna	23
Kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	23
Kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Lawatan ke Jabatan Penerangan Daerah Belait



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bergambar ramai semasa melawat ke Jabatan Penerangan, Daerah Belait.

Oleh & Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 27 September. - Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait bagi bersua muka dengan pegawai dan kakitangan di kedua-dua jabatan itu bagi mengetahui lebih lanjut masalah yang memerlukan pemberian memandangkan mereka sebagai *front line*, yang nampak kerja-kerja yang patut dibuat.

"Bagi saya, adalah suatu pengalaman untuk mengetahui sendiri, mendengar sendiri daripada mereka yang bekerja, sekurang-kurangnya mana yang dapat saya bantu atau ubahsuai dan sebagainya. Insya-Allah daripada hasil lawatan ini nanti, akan dapat

dimanfaatkan untuk kebaikan semua."

Ketika disentuh mengenai media tempatan yang ada di Negara Brunei Darussalam, beliau menyatakan bahawa media tempatan sentiasa bergerak maju, lebih matang dan peralatan yang digunakan juga semakin canggih. Oleh itu perkara yang disiarkan jauh lebih berbeza daripada yang sudah ada. Ini kerana pekerja-pekerja atau staf yang bekerja dengan media sekarang lebih profesional dan mempunyai pengetahuan yang lebih meluas.

Berbagai cara untuk meningkatkan mutu media. Salah satu daripadanya, dari segi membuat liputan berita dan juga mempelbagaikan cara penyiaran, bukan sahaja melalui media cetak tetapi juga berbagai cara dengan menggunakan sosial media.

"Kita harus peka pada perkembangan-perkembangan bukan sahaja perkembangan semasa tetapi juga perkembangan dalam bidang penulisaan, sastera serta sebagainya kerana daripada sana baru kita dapat ilmu yang lengkap.

"Lawatan ini memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada saya dan pegawai-pegawai kanan di JPM yang menyertai lawatan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai masalah-masalah dan perkara yang perlu diperbaiki serta juga memastikan bahawa pembarigan kepada orang ramai. Kitani sebagai suara kerajaan akan sampai kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam terutama sekali di Daerah Belait dan Daerah Tutong."

Program Awasi Anak Kitani beri kesedaran ibu bapa



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, semasa menyaksikan bahan pameran Biro Kawalan Narkotik.

KUALA BELAIT, Selasa, 16 September. - Program Awasi Anak Kitani diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Kuala Belait anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Biro Kawalan

Oleh & Foto: Noraisah Muhammed

Narkotik (BKN) dihasratkan untuk mewujudkan kesedaran ibu bapa dan penjaga tentang pentingnya kawalan terhadap anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah serta bagaimana untuk menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti tidak sihat.

Hadir selaku tetamu majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin yang juga Ketua Kampung Mumong.

Turut hadir penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ahli-ahli MPM / Majlis Perundingan Kampung di Daerah Belait serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Program kerjasama antara Jabatan Penerangan dengan kerjasama BKN ini akan diadakan di seluruh negara secara berperingkat-peringkat dan akan diadakan sebagai program tahunan khusus untuk penduduk kampung.

Jadikan mahasiswa lebih berdikari



PARA peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Kali Ke-II Tahun 2014 bergambar kenangan bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ah Chua

TEMBURONG, Ahad, 7 September. - Seramai 39 mahasiswa Negara Brunei Darussalam yang menuntut di luar negara memulakan perkampungan sivik mereka dari 7 hingga 11 September.

Pada hari pertama perkampungan sivik mahasiswa yang menuntut di United Kingdom, Malaysia, Mesir dan Jordan mengikuti beberapa aktiviti bina semangat yang dikendalikan oleh Trandie Marina Resorts Sendirian Berhad di Kampung Batang Duri, Mukim Amo.

Konsultan Utama Bina-Semangat Berpasukan, Trandie Marina Resorts Sendirian, Awang Haji Hussin Ahmad menjelaskan, aktiviti-aktiviti yang disusun bagi para peserta perkampungan adalah sangat bermanfaat untuk mereka serta yang mana pengalaman di

sepanjang menyertai aktiviti-aktiviti tersebut akan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan seterusnya bagi masa depan mereka.

Melalui aktiviti tersebut para peserta berupaya meningkatkan cara berkomunikasi, cara berfikir dan semangat berpasukan serta penggunaan masa secara lebih berkesan dalam kalangan mereka.

Aktiviti-aktiviti bina semangat yang diikuti oleh para peserta dibahagikan kepada beberapa modul iaitu Modul Ketul Emas Berkumpulan, Modul Terowong Masa Membujur dan Modul Panik LIPAN, di samping mengikuti modul cabaran ‘auto-run’.

Perkampungan sivik yang berteraskan keagamaan, kebudayaan, kepimpinan dan ketatanegaraan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri itu diharap akan dapat menjadikan para peserta perkampungan untuk lebih berdikari, di samping memantapkan rohani, mental, emosi, fizikal dan ilmu pengetahuan sebagai persediaan, bahkan menjadi benteng pertahanan agar lebih kental dalam berdepan dengan cabaran sebagai seorang mahasiswa.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi menyampaikan ucapan alu-aluan kepada para peserta perkampungan sivik.

Kesedaran sivik penting diasuh, dikuatkan



GAMBAR kenangan para mahasiswa bersama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abdul Wahab bin Juned.

Oleh & Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 11 September. - Kepimpinan sivik boleh dibina melalui kesedaran sivik yang kuat dan pendedahan mendalam melalui tanggungjawab sivik sehingga dapat melahirkan pemimpin-pemimpin akar umbi berkualiti dan berpotensi untuk terus maju ke hadapan di arena kepimpinan yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned mengatakan semua rakyat dan penduduk di negara ini, tidak terkecuali pelajar pemegang biasiswa kerajaan, perlu sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal sivik iaitu kemasyarakatan disebabkan kita hidup bermasyarakat dan masyarakat itu sebagai unit fungsi kehidupan bernegara.

“Adalah penting untuk kita mengasuh dan menguatkan kesedaran sivik kita masing-masing supaya kita sentiasa ingat yang kita orang Brunei, beridentitikan kebruneian, mempunyai jati diri yang tidak mudah terpesong oleh anasir-anasir songsang, menghormati dan menghayati nilai-nilai murni di bawah konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan tidak lari dari tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.”

Hanya dengan mempunyai kesedaran sivik yang tebal dan kental maka kita akan dapat menghargai kepentingan masyarakat dan menjalankan tanggungjawab sivik kita untuk kepentingan tersebut di mana melalui tanggungjawab itu maka keperluan dan hak masyarakat akan diketahui secara mendalam.

Ciri-ciri sivik iaitu kesedaran, tanggungjawab

dan kepimpinan yang ditimbulkan oleh Yang Mulia Dato Paduka adalah untuk menjelaskan konteks peranan dan kemajuan kita dalam masyarakat.

“Pertama, untuk memperkesanakan peranan dan kepimpinan kita dalam masyarakat, kita perlu menjalani peringkat-peringkat awal sebagai asas dan bagi kemantapan.”

Setinggi manapun ilmu dan kemahiran yang diperolehi dari menara gading dalam dan luar negeri, iaanya semata-mata tidak mencukupi di mana peranan dan tanggungjawab kita dalam masyarakat untuk berkesan perlu berkorelasi pengalaman, pengetahuan dan penghayatan mengenai masyarakat itu sendiri.

“Inilah perkara kedua, jangan kita sekali-kali berfikiran dan bersikap bahawa ilmu itu adalah segala-galanya dan kita boleh dengan ilmu semata-mata boleh menjalankan peranan dan tanggungjawab kita kepada masyarakat di dalam vakum atau tanpa konteks kemasyarakatan. Pada misalnya, kita tidak boleh terlalu mengharap kepada ilmuwan semata-mata yang tidak mempunyai pengalaman di dalam amalan.”

Sebab itulah seperti peribahasa Melayu, bahawa kita tidak boleh lupa daratan; sejauh mana pun kita merantau untuk menuntut ilmu dan mencari pengalaman namun asal usul dan identiti, nilai-nilai dan sosiobudaya orang Brunei, adat resam dan tradisi dan ciri-ciri kehidupan masyarakat yang menjadi warisan tidak boleh dilupakan di mana ciri-ciri ini perlu dialami sehingga kita boleh menjadi pengamalnya.

Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Ke-II Tahun 2014 ini diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan, JPM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan serta Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Peserta Perkampungan Sivik terima sijil

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim
dan AJK Perkampungan Sivik

TEMBURONG, Khamis, 11 September. - Seramai 39 mahasiswa yang menuntut di luar negara menamatkan perkampungan sivik mereka dan telah menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Ke-II Tahun 2014 yang berlangsung di Hotel Stoneville, Pekan Bangar.

Daripada jumlah tersebut, 16 mahasiswa adalah yang meneruskan pengajian di Mesir, 21 mahasiswa di United Kingdom, seorang mahasiswa menuntut di Jordan dan seorang mahasiswa lagi menuntut di Malaysia dalam pelbagai jurusan.

Penyampaian sijil-sijil kepada para peserta Perkampungan Sivik berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menjelaskan bahawa format Perkampungan Sivik tahun ini digarap dengan pendekatan yang agak berbeza dari tahun-tahun sebelumnya bagi memastikan keberkesanan program dapat dipertingkatkan.

Para peserta dikehendaki berkampung selama lima hari di daerah ini bagi mengikuti sesi perkampungan berteraskan keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan, kepimpinan dan kenegaraan.

"Jika sebelum ini, perkampungan lebih tertumpu kepada siri taklimat di bilik atau dewan taklimat, manakala kebanyakannya aktiviti kali ini lebih berbentuk pendedahan dan praktikaliti. Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai



TIMBALAN MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa menyempurnakan penyampaian sijil Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut kali ke-2 tahun 2014 kepada peserta kursus.

aktiviti 'Team Building' yang menguji ketahanan mental dan fizikal, menghayati sosiobudaya masyarakat setempat, meninjau ke tapak bersejarah dan menyaksikan penghasilan produk tempatan, dalam rangka memperkasa identiti dan mengenali negara sendiri khususnya Daerah Temburong."

Diadakan buat kali kedua pada tahun ini, Perkampungan Sivik antara lain diharatkannya dapat mengukuhkan jati diri kebruneian dan menanamkan semangat patriotisme dan kesetiaan, berpaksikan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dalam kalangan para peserta.

Selain itu, ia juga menjadi wadah bagi menyalurkan maklumat semasa mengenai kerajaan dan negara khususnya kepada mahasiswa yang menuntut di seberang laut.



PARA mahasiswa bergambar kenangan setelah menamatkan perkampungan sivik mereka dari 7 hingga 11 September.



Tinjau perkembangan Jabatan Penerangan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ah Chua



TIMBALAN Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa membuat lawatan kerja ke Jabatan Penerangan cawangan Daerah Temburong.

TEMBURONG, Khamis, 11 September. - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned telah membuat lawatan kerja di daerah ini.

Lawatan dibuat sejurus selepas menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Ke-II Tahun 2014.

Yang Mulia Dato Paduka meneruskan lawatan kerja ke Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong yang mana lawatan-lawatan tersebut antara lain bertujuan bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan terhadap agensi-agensi kerajaan di bawah JPM.

Antara yang menyertai lawatan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Idris bin Haji Mohammad Ali dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Lahirkan generasi pelajar berwibawa, tahan lasak

Oleh & Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 10 September. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK) berperanan sebagai pusat perancangan dan pelaksanaan serta sumber dan penggerak segala kegiatan-kegiatan tambahan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab seluruh negara dari pelbagai segi.

Jabatan berkenaan juga berperanan sebagai penyelaras dan penghubung di antara pihak sekolah/maktab dengan pihak luar dan selaku penghubung, penyelaras, penasihat dan memberi maklumat kepada pihak sekolah/maktab berhubung dengan penglibatan/penyertaan sekolah/maktab dengan pihak berkenaan baik dalam negeri maupun luar negeri.

Perkara itu dijelaskan oleh Ketua Kokurikulum, JPK Cawangan Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Pungut ketika memberikan taklimat mengenai tugas dan peranan JPK, berlangsung di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar.

Matlamat JPK antaranya untuk melahirkan generasi pelajar yang berwibawa, berdisiplin, bersemangat, berwawasan dan tahan lasak, di samping menyemai sifat-sifat dan nilai-nilai murni dan luhur.

Selain itu ia membolehkan pelajar-pelajar menimba ilmu pengetahuan dan mempelajari kemahiran-kemahiran asas dan mengembangkannya demi mencapai kecemerlangan serta mencungkil bakat-bakat pelajar



KETUA Kokurikulum, JPK Cawangan Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Pungut semasa menyampaikan taklimat tersebut.

dalam pendidikan kokurikulum sukan dan menyemai potensi mereka untuk menjadi 'sport elite' di masa akan datang.

Di samping itu ia dapat memberi peluang kepada guru-guru menjalani kursus-kursus dan latihan-latihan yang berhubung kait dengan pelaksanaan kegiatan kokurikulum yang berkesan di sekolah-sekolah dan di maktab-maktab.

Taklimat ini termasuk antara aktiviti terkandung di Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2014 Ke-II anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan serta Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kerja amal di rumah keluarga daif dan OKU Daerah Temburong

Foto : AJK Perkampungan Sivik



ORANG kurang upaya, Awang Haji Hamid bin Abdullah merasa bersyukur menerima ketibaan warga Penerangan dan para mahasiswa di Kampung Selangan.



DAYANG Maimunah binti Abdullah merasa gembira ke atas kerja-kerja amal di rumah beliau di Kampung Negalang Iring.

KERJA-KERJA amal para mahasiswa di Kampung Selangan dan Kampung Negalang Iring pada 11 September lalu semasa hari ke-5 perkampungan sivik.



Galeri Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut Ke-II

Foto : AJK Perkampungan Sivik



GAMBAR-GAMBAR merakamkan aktiviti berkampung selama lima hari di Daerah Temburong berteraskan keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan, kepimpinan dan kenegaraan bermula 7 hingga 11 September.



Bengkel ‘Speaking with Confidence’



SESI bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selepas menerima sijil.

Oleh : Hajah Sujimawati Mejari

Foto : Syahi Haji Ludin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 September. - Seramai 24 orang pegawai (Bahagian B2 dan C3) menyertai Bengkel ‘Speaking with Confidence’ yang diadakan di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan.

Tina McDowell selaku fasilitator bengkel merupakan konsultan yang dijemput daripada Republik Singapura. Berdasarkan kemahiran dan pengalaman lebih daripada 23 tahun, beliau telah banyak melatih ratusan orang untuk menjadikan mereka lebih berpotensi dan berkeyakinan tinggi di dalam ses sebuah organisasi ataupun jabatan.

Antara tujuan bengkel tersebut ialah untuk mengetahui punca gementar ketika bercakap di khalayak orang ramai

dan cara mengatasi perasaan tersebut. Ia merupakan kesempatan terbaik lebih-lebih lagi jabatan ini banyak melibatkan interaksi bersama orang ramai seperti mengendalikan taklimat-taklimat, perkampungan sivik, menemu duga orang ramai dan banyak lagi.

Salah satu daya tarikan supaya pendengar tidak merasa jemu atau bosan ialah dengan memberi intro yang menarik, bersemangat, penggunaan bahasa dan intonasi yang jelas dan *body language* yang baik.

Bengkel tersebut diadakan selama dua hari dan diakhiri dengan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sijil kepada para peserta.



TINA McDowell, seorang yang pakar menjelaskan teknik dan cara yang berkesan untuk menarik perhatian pendengar.



AWANG Hassanul Hidayat menceritakan sesuatu pengalaman yang mencuit hati para peserta bengkel yang hadir.



TINA McDowell menyatakan penyesuaian pakaian perlu dititikberatkan sebelum menyampaikan ses sebuah taklimat.



PEMANGKU Pengarah Penerangan menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta.



PEMANGKU Pengarah Penerangan semasa mendengar pembentangan pada hari kedua bengkel berkenaan.



DAYANG Hajah Noorhijrah menyampaikan pembentangan mengenai cottage industry.



AWANG Musa mencuba menjawab soalan yang diajukan.

Brunei - Thailand adakan Program Pameran Bersama



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Ketua Delegasi selaku wakil Setiausaha Tetap Pejabat Perdana Menteri Kerajaan Thailand, Dr. Charoon Chaisorn memotong reben sempena pelancaran Program Pameran Bersama 2014.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderamata kenangan kepada Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam Dr. Charoon Chaisorn.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand mengadakan Program Pameran Bersama (Joint Exhibition Program) 2014 yang merupakan salah satu projek di bawah MoU kerjasama di bidang Penerangan dan Penyiaran di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Negara Thailand.

Ini merupakan pameran kali keenam diadakan dan berlangsung di The Mall, Kompleks Abdul Razak.

Hadir bagi menyempurnakan pelancaran pameran bersama itu ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Ketua Delegasi, selaku wakil Setiausaha Tetap Pejabat Perdana Menteri



SUT (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bersalaman mesra dengan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam, Dr. Charoon Chaisorn.

Kerajaan Thailand, Dr. Charoon Chaisorn.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Idris bin Md. Ali; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; pegawai-pegawai kanan JPM dan pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai dari Kedutaan Negara Thailand di negara ini.

Pameran selama tiga hari membawakan tema 'One Heart, One Community' dan memfokuskan kepada hasrat dan cita-cita Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk menjadi satu masyarakat menjelang tahun 2015 serta usaha-usaha yang telah dan



ANTARA pameran yang disaksikan oleh tetamu kehormat.

sedang berjalan ke arah merealisasikannya.

Program Pameran Bersama 2014 dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian I mengetengahkan Latar Belakang ASEAN; Bahagian II mempamerkan usaha-usaha dan inisiatif berkaitan yang telah dilaksanakan oleh Negara Brunei Darussalam ke arah merealisasikan satu Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015, sementara Bahagian III pula memaparkan program-program bersama negara ini dan Negara Thailand di bawah MoU di bidang kerjasama Penerangan dan Penyiaran.

Pameran tahun ini juga bertepatan dengan 30 tahun hubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara.

Gabungan persembahan 'Alai Pa Plern'

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad



PERTUKARAN cenderamata antara SUT (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Rozan dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perhubungan Awam, Thailand, Dr. Charoon Chaisorn.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 September. - Persembahan gabungan artis dari Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand melalui rancangan 'Alai Pa Plern' terbitan RTB dan National Broadcasting of Thailand (NBT) di Amphitheatre, Jerudong Park.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perhubungan Awam, selaku wakil Setiausaha Tetap di JPM Thailand, Dr. Charoon Chaisorn.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Apichart Phetcharatana; Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali; Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Awang Haji Mohammad Suffian bin Haji Bungsu; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; pegawai-pegawai kanan di JPM, RTB, Jabatan Penerangan serta orang ramai termasuk warga Negara Thailand yang berkhidmat di negara ini.

Acara dimulakan dengan pertukaran cenderamata antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand yang kemudian disusuli dengan tarian berbentuk kontemporari dan tradisional yang dipersembahkan oleh penari-penari daripada kedua-dua buah negara, di samping persembahan nyanyian daripada artis-artis tempatan dan Negara Thailand.

Persembahan bertemakan 'Persahabatan' (Friendship) ini mengeratkan lagi hubungan kerjasama di antara kedua-dua buah negara seperti yang dihasratkan dalam Memorandum Kerjasama dalam bidang Penerangan dan Penyiaran.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Ke-13



GAMBAR kenangan bersama delegasi dari kedua buah negara semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Ke-13.



UCAPAN alu-aluan daripada SUT (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan selaku Ketua Delegasi.



TIMBALAN SUT (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Idris, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi serta ahli-ahli delegasi NBD mendengar pertukaran idea dan isu-isu kepentingan bersama.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hamzah Mohiddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Ke-13 yang dilaksanakan di bawah MoU antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Negara Thailand.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet)



SUT (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bersalaman mesra dengan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam Thailand, Dr. Charoon Chaisorn.

Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, selaku Ketua Delegasi, manakala delegasi Negara Thailand diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam sebagai wakil Setiausaha Tetap JPM, Thailand, Dr. Charoon Chaisorn.

Juga hadir pada mesyuarat itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) JPM, Awang Haji Idris bin Md. Ali; Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan ahli-ahli delegasi Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam, Thailand menjelaskan sekarang sudah menjangkau 13 tahun sejak MoU kedua-dua buah negara telah ditandatangani pada tahun 2001.

"Mesyuarat Tahunan Jawatankuasa Teknikal Bersama kita ini menyediakan satu forum bagi kakitangan bukan sahaja untuk membincangkan kerjasama dalam bidang Penerangan dan Penyiaran tetapi juga untuk berkongsi idea dan pengalaman mengenai isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama."

Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand meraikan 30 tahun hubungan diplomatik pada tahun ini di mana kedua-dua buah negara sentiasa menikmati hubungan mesra, berdasarkan persefahaman yang baik antara satu sama lain.



PARA pegawai sama-sama mengaminkan bacaan doa.

Brunei-Thailand eratkan bidang penerangan dan penyiaran

Oleh : Khartini Hamir,
Siti Surdahni Haji Tahamid
Foto : Hamzah Mohiddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 September. - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-13 di bawah MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand mengenai kerjasama di bidang penerangan dan penyiaran berakhir dengan Majlis Penandatanganan Surat Penyerahan (Letter of Transmittal) di Hotel Centrepoint, Gadong.

Mesyuarat dua hari tersebut berakhir secara rasmi dengan menandatangani Surat Penyerahan yang ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, selaku Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam bersama Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam, Dr. Charoon Chaisorn sebagai wakil Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Thailand.


Awang Haji Mohd. Rozan dalam ucapan penutupnya menekankan bahawa mesyuarat tersebut menyimpulkan sesuatu yang produktif yang memerlukan kerjasama yang lebih erat dalam bidang penerangan dan

penyiaran di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Negara Thailand.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM turut melahirkan penghargaan di atas perbincangan dan persetujuan program penyiaran dan penerangan yang akan dilaksanakan oleh kedua-dua buah negara seperti Persembahan Gabungan Muzik Hiburan (Join Musical Variety Show); pertukaran program berita dan televisyen; program baru yang melibatkan latihan dan pertukaran kakitangan penyiaran dan juga dalam bidang maklumat seperti pertukaran penerbitan, ciri-ciri *pictorials* dan program pertukaran lawatan pegawai kerajaan dan media serta Program Pameran Bersama (Join Exhibition Program).

Dengan bertukar-tukar pandangan ia dapat meningkatkan kesedaran, semangat kekitaan dan rasa tanggungjawab di antara kedua-dua buah kerajaan iaitu Negara Brunei Darussalam dengan Negara Thailand dan ASEAN secara keseluruhannya.

Majlis penutup turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Idris bin Md. Ali, pegawai-pegawai di JPM, RTB dan Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menerima cenderahati kenangan daripada Pengarah Eksekutif, Usanee Sritanyarat.



BACAAN doa bagi memberkati hari terakhir mesyuarat berkanaan.



SESSI bergambar ramai di akhir Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-13.

Jamuan Makan Malam anjuran Jabatan Penerangan

Foto : Hamzah Mohiddin



DELEGASI Negara Thailand bergambar ramai bersama kumpulan guling tangan di jamuan makan malam sempena Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ke-13 antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand pada 18 September 2014.



Peserta JENESYS 2.0 dibekalkan ilmu pengetahuan

Oleh : Nurul Syakirah Zaini
Foto : Syahi Haji Ludin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 September. - Seramai 47 peserta Rangkaian Pertukaran Pelajar dan Belia Jepun-Asia Timur 2.0 (JENESYS 2.0) telah menghadiri sesi taklimat bagi persediaan sebelum belayar ke Jepun diadakan di Auditorium Jabatan Penerangan.

Dua orang pengawas dan 45 orang pelajar terpilih adalah mewakili UBD, ITB, Politeknik Brunei, MKJB, MTSSR, Maktab Teknik Nakhoda Ragam, Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Maktab Teknik Wasan dan Sekolah Perdagangan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Timbalan Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar; Pegawai Kanan dari Kementerian Pendidikan, UBD dan ITB, para pegawai dari Jabatan Penerangan, wakil Freme Travel dan para peserta.

Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris

menekankan kepada peserta agar menjaga tatasusila sebagai anak Brunei dari segi kelakuan, pertuturan dan penampilan yang bersesuaian serta sentiasa menepati masa atur cara program.

Peserta diharapkan agar dapat bekerjasama di antara satu sama lain supaya dapat menjalankan tugas-tugas yang diberikan dengan jayanya.

Taklimat mengenai Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran disampaikan oleh Pemangku Ketua Jabatan Office Safety, Healty & Environment (OSHE), UBD, Awang Hazilan bin Ramli juga menerangkan tentang perlunya para peserta untuk sentiasa melapor diri ke Kedutaan Brunei di Jepun sebagai langkah untuk berjaga-jaga dari sesuatu yang tidak diingini berlaku.

Sebelum mengakhiri majlis, pengongsian pengalaman daripada bekas peserta Program JENESYS, Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman turut mengongsikan pengalaman dengan menasihatkan agar peserta perlu sentiasa berhati-hati terhadap sebarang tawaran yang diberikan dalam soal pemakanan



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah mengingatkan para peserta supaya sentiasa menjaga tatasusila sepanjang program tersebut.



DAYANG Hernie Suliana berkongsi pengalaman semasa menyertai Program JENESYS sebelum ini.

kerana ditakuti mengandungi bahan-bahan yang dilarang dalam Islam.

Menurutnya, wujudnya senarai restoran halal yang terdapat di Jepun melalui laman muka buku 'Nippon Asia Halal Association' (NAHA) bagi memberi kemudahan para peserta.



PARA peserta dan pengawas begitu tekun mendengar penjelasan yang diberikan (atas).



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mendengar taklimat yang disampaikan (kanan).



PARA peserta JENESYS dari pelbagai institusi memperkenalkan diri masing-masing.

Peserta Program JENESYS timba budaya Jepun

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. - Seramai 45 orang mahasiswa-mahasiswi serta pelajar dari institusi pengajian tinggi seluruh negara berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyertai Program JENESYS 2.0 Mass Media – 12th Batch yang diadakan di Jepun bermula 22 hingga 30 September 2014.

Bagi program kali ini, Jabatan Penerangan, selaku Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCA NBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah memfokuskan para peserta yang berumur 18 hingga 30 tahun dan masih menuntut di peringkat kolej atau universiti.

Rombongan disertai oleh dua orang pensyarah selaku pengawas peserta iaitu Dr. Siti Mazidah binti Haji Mohammad, Pensyarah dari UBD dan Awangku Muhammad Rahimi bin Pengiran Haji Zahari, Pensyarah dari ITB.

PENSYARAH dari UBD, Dr. Siti Mazidah mengatakan para peserta turut menjalani program pertukaran sekolah dan keluarga angkat ketika berada di negara Jepun.



AWANG Muhd. Zulfaqar dan Dk. Fatin Afifah merasa gembira kerana mendapat peluang untuk menyertai program ini.



SERAMAI 45 orang peserta dan dua pengawas bergambar kenangan sebelum berlepas ke Jepun di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Dr. Siti Mazidah mengatakan program ialah bukan saja untuk mengetengahkan para peserta dengan budaya rakyat Jepun, teknologi dan ekonomi, bahkan juga untuk memperkenalkan budaya Negara Brunei Darussalam ketika berada di sana nanti.

Selain mengadakan lawatan-lawatan ke institusi tinggi di Jepun, para peserta juga akan menjalani program pertukaran sekolah dan keluarga angkat.

Manakala bagi Awang Muhd. Zulfaqar bin Arman, pelajar Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, menyatakan rasa syukur kerana terpilih untuk mengikuti program tersebut dan berharap melalui program ini dapat menimba pengalaman yang luas dan mengetahui lebih banyak lagi tentang budaya masyarakat Jepun, di samping berkongsi pendapat dengan penuntut di sana nanti.

Bagi Dk. Fatin Afifah binti Pg. Haji Md Tahir, mahasiswa UBD pula melahirkan rasa syukur dan gembira kerana berpeluang melawat ke seni bina bersejarah dan tapak-tapak warisan yang terdapat di negara Jepun sambil menyaksikan sendiri pameran produk berteknologi tinggi yang telah pun diaturkan ketika di sana nanti.

Sepanjang berada di Jepun, rombongan peserta dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' berada di Kyoto, manakala Kumpulan 'B' di Tokushima dan menjalani program serta aktiviti yang telah disusun oleh Japan International Cooperation Center (JICE).

Program dan aktiviti ini antara lain bagi memperkenalkan peserta dengan teknologi dan produk Jepun selain meningkatkan kefahaman terhadap kelebihan (*strengths*), budaya tempatan (*local cultures*) serta daya tarikan yang ada di negara berkenaan.

Hadir di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar. Turut hadir para pegawai dari Kementerian Pendidikan, Jabatan Penerangan dan ahli keluarga peserta rombongan.

Program Taklimat Kenegaraan terus diberigakan

Oleh: Nooratini Haji Abas,
Rahimah Haji Tamin

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd.
Ali, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 September, Rabu. - Bendera digunakan sebagai lambang rasmi negara dan perkumpulan bagi menunjukkan identiti bangsa dan negara sebab itulah setiap negara mempunyai bendera rasmi negara masing-masing.

Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang berlangsung di Auditorium, Jabatan Penerangan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim yang menghuraikan mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan serta sejarah bendera Negara Brunei Darussalam.

Bendera negara bermula pada tahun 1906 dan kemudiannya diberi satu lambang

rasmi kerajaan berbentuk panji-panji berwarna merah pada tahun 1959 bersempena dengan penubuhan Undang-Undang Perlembagaan Brunei.

Bendera negara dinaikkan pada waktu-waktu tertentu iaitu pada Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan atau hari-hari istiadat yang besar dan hari-hari tertentu yang diumumkan melalui radio dan televisyen.

Lebih 170 pelajar-pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Masin mengikuti program taklimat berkenaan anjuran Jabatan Penerangan.

Program yang sama turut diadakan pada 30 September yang dihadiri oleh seramai 170 pelajar-pelajar Tahun 9 Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Program bermula dengan nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara' dan kemudiannya diteruskan dengan tayangan klip video mengenai

bendera negara serta sesi kuiz.

Antara lain objektif program taklimat tersebut diadakan adalah untuk mengoptimakan penghayatan dan pemahaman terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara, beragama yang berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Selain itu, ia juga adalah untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara, di samping mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar melalui Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.



AWANG Haji Dayang menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar.



PARA pelajar Tahun 9 Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri semasa mendengar taklimat berkenaan.



SEORANG pelajar dengan penuh semangat mencuba menjawab soalan kuiz.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan cenderamata kenangan.



LEBIH 170 pelajar-pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Masin menyaksikan Program Taklimat Kenegaraan.



AWANG Eddy Iswandy menyampaikan taklimat kenegaraan kepada para pelajar Tahun 9 Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja.



CEPAT dan mudah... Pelita Brunei boleh didapati dengan pandu lalu (*drive through*) di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan sekarang.

Kibarkan bendera negara dalam keadaan baik dan sempurna

Oleh & Foto: Aryentyt Haji Ariffin



SEORANG murid mencuba menjawab soalan kuiz.

TUTONG, Selasa, 9 September. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan lagi 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam Bagi Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Swasta Seluruh Negara 2014 Peringkat Daerah Tutong' ke Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang II, Tutong.

Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi mengatakan selaku rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik kibar bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan yang lazimnya diumumkan melalui media massa rasmi kerajaan.

Seramai 70 orang murid dari Tahun 4 hingga Tahun 6 berkesempatan mendengar taklimat untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini :



Naqiuddin Awang Mat Japar @ Awang Md. Jaafar

Jawatan : Buruh
Tarikh Melapor : 1 September 2014



MURID-MURID Sekolah Rendah Bukit Beruang II semasa mendengar taklimat yang disampaikan.

Tahniah diucapkan kepada Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini atas pengurniaan Ijazah Sarjana Media Baru (*Master of Arts in New Media*) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Konvokesyen Ke-26 Universiti Brunei Darussalam pada 8 September 2014.



Kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan :



Dayang Sharifah binti Haji Abdullah

Kerani Sulit
di Jabatan Perkhidmatan Pos,
Kementerian Perhubungan
Tarikh Berpindah : 15 September 2014

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus pada bulan ini :

Kursus Asas Etika Mesyuarat

Tarikh : 10-11 September 2014

Awang Shari bin Haji Garib

Awang Mohd. Rusli bin Abdullah @ Gandok

Awang Akui bin Anam

Pengendalian Fail dan Rekod

Tarikh : 15-18 September 2014

Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad

Kursus Induksi Perkhidmatan Awam

Tarikh : 15-23 September 2014

Dayang Hajah Nuramanina binti Haji Hassan

Dayang Khairunnezza binti Abdullah

Awang Rahmat Sukrilah bin Harith/Mirah

Ak. Mohammad Noor Zainismandy bin Pg. Haji Ismail

Report Writing – How to Structure A Report For A Maximum Effect

Tarikh : 23-24 September 2014

Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli

Awang Mohammad Rainie bin Haji Duraini

Workshop on Training Needs Analysis (TNA)

Tarikh : 24-25 September 2014

Dayang Hajah Hamsah Datu Kerna Haji Jaya

Workshop on Effective Building Maintenance & Operational Management

Tarikh : 29-30 September 2014

Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A. Ahmad

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn